



PERUTUSAN Pengerusi

(MESYUARAT JKTNg Bil. 2/2013 PADA 26 MAC 2013)

1. PROGRAM PERASMIAN RIMBUNAN KASEH DAN JELAJAH JANJI DITEPATI

- a) Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Jabatan/ Agensi yang terlibat dalam menjayakan program perasmian Program Rimbunan Kaseh di Tanjung Besar, Lipis dan Jelajah Janji Ditepati pada 23 Mac 2013 (Sabtu) yang lalu.

- b) Program Rimbunan Kaseh Tanjung Besar Lipis adalah satu contoh yang terbaik pelaksanaan projek secara *fast track* yang mana Kerajaan Negeri telah berjaya menyiapkan projek tersebut dalam tempoh tujuh bulan sahaja. Manakala Program Jelajah Janji Ditepati pula telah mencecah bilangan pengunjung seramai lebih 70 ribu orang dan merupakan catatan terbaik berbanding program yang sama di 12 negeri yang lain.

2. PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK DI BAWAH PERUNTUKAN KHAS YAB PERDANA MENTERI

Untuk makluman ahli mesyuarat, terdapat teguran daripada pihak ICU JPM berkaitan dengan prestasi pelaksanaan projek Khas di Negeri Pahang terutamanya kelewatan memulakan projek yang diluluskan. Sehubungan itu, saya ingin mengingatkan kepada semua agensi pelaksana yang melaksanakan projek di bawah peruntukan YAB Perdana Menteri supaya mengambil tindakan pantas dalam melaksanakan projek dan sekiranya terdapat masalah, perlulah memaklumkan kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang atau dibawa ke dalam mesyuarat untuk tujuan penyelesaian.

3. PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 1 TAHUN 2013 : ANGGARAN PERBELANJAAN 2013

a) Saya ingin menarik perhatian berkenaan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 2013 bertarikh 3 Januari 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan mengenai Anggaran Perbelanjaan 2013. Untuk makluman, sejumlah RM251,666,999.00 telah diluluskan bagi Anggaran Perbelanjaan 2013 iaitu RM201,917,000.00 untuk perbelanjaan mengurus dan RM49,749,999.00 untuk perbelanjaan pembangunan.

- b) Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan berhemat serta mengutamakan nilai untuk wang (*value for money*). Sehubungan itu, pelaksanaan sesuatu program/ aktiviti/ projek hendaklah dibuat berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Langkah-langkah meningkatkan keberkesanan perbelanjaan awam dan mengutamakan keberhasilan (*outcome*) dalam melaksanakan sesuatu program/ aktiviti perlu ditekankan. Bagi tujuan tersebut, Pegawai Pengawal adalah disarankan untuk melaksanakan penilaian terhadap program/ aktiviti sedia ada, menyusun semula program/ aktiviti mengikut keutamaan, mengelakkan pertindihan di antara program/ aktiviti, menghentikan program/ aktiviti yang didapati tidak berkesan serta melaksanakan pengagihan semula (*redeploy*) sumber-sumber sedia ada seperti peruntukan, aset dan perjawatan.
- c) Pegawai Pengawal juga perlu merancang perbelanjaan dengan baik dan mengelakkan pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) serta *bunching payment* pada penghujung tahun. Selain itu, perlulah dipastikan tiada tunggakan bayaran bil dan tuntutan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang telah diberi oleh pembekal dan kontraktor. Semua bil dan tuntutan perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari dan tarikh bil serta tuntutan yang lengkap diterima selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103 (a).

4. PRESTASI PERBELANJAAN KERAJAAN

- a) YBhg. Ketua Setiausaha Negara dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara Bil. 1/2013 pada 7 Februari 2013 telah memaklumkan bahawa prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan bagi tahun 2012 adalah sebanyak 95.57% berbanding 93.9% pada tahun 2011.
- b) Sehubungan itu, YBhg. KSN mengingatkan semua Jabatan/ Agensi supaya dapat mengemukakan unjuran perbelanjaan tahun 2013 yang lebih tepat agar perbelanjaan sebenar tahun 2013 lebih tinggi berbanding tahun 2012.

5. PERTUKARAN NAMA PUSAT LATIHAN DAN AKADEMI MARITIM MALAYSIA, GEBENG, KUANTAN

Saya ingin memaklumkan bahawa Pusat Latihan dan Akademi Maritim Malaysia (PLAMM), Gebeng, Kuantan kini dikenali sebagai Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) pada majlis perasmian dan penamaan semula yang telah diadakan pada 2 Mac 2013 oleh KDYMM Sultan Pahang.

6. LAPORAN PEMBAYARAN BIL KERAJAAN NEGERI PAHANG BAGI BULAN FEBRUARI 2013

- a) Prestasi Pembayaran Bil Kerajaan Negeri Pahang pada bulan Februari 2013 yang telah dibayar dalam tempoh 14 hari adalah 99.81% manakala 0.19% (10 bil) dibayar melebihi 14 hari.
- b) Jabatan berkenaan di mana bil-bil yang dibayar melebihi tempoh 14 hari ialah;
- i) Jabatan Agama Islam Negeri Pahang - 6 bil
 - ii) Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang - 1 bil
 - iii) Pejabat KDYMM Sultan - 1 bil
 - iv) Jabatan Perhutanan Negeri Pahang - 1 bil
 - v) Pejabat Daerah Dan Tanah Temerloh - 1 bil